KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	10- 12
JABATAN	:	JMG			

Rizab emas Malaysia masih banyak

Pakar geologi sahkan beberapa negeri di semenanjung berstatus 'jalur emas' yang juga pendapatan negara

Laporan RAIHAM MOHD SANUSI, NUR IFTITAH ROZLAN, RAJA NUR FAZNIE AIDA dan MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Rizab emas di Malaysia masih banyak dan dianggarkan bernilai jutaan ringgit, sekali gus memberi masa depan cerah kepada industri emas negara untuk terus berkembang.

Pakar geologi, Profesor Madya Dr Habibah Jamil berkata, rizab bahan galian itu masih banyak terutama di Semenanjung Malaysia kerana terdapat beberapa kawasan yang dipanggil 'jalur emas' bermula dari Kelantan hingga ke Johor.

Beliau berkata, pada masa sama, kegiatan perlombongan emas di negara ini juga masih belum diteroka secara maksimum bagi memenuhi permintaan pasaran komersial.

"Kawasan jalur emas itu sudah diketahui umum iaitu terletak di kawasan tengah Semenanjung Malaysia bermula dari Sokor, Ketereh di Kota Bharu; Rusila di Marang; Selinsing (Perak); Penjom dan Raub (Pahang) hingga ke Mersing (Johor).

"Bagaimanapun, aktiviti perlombongan emas masih tidak banyak dilakukan dan hanya aktif dijalankan di beberapa kawasan sahaja seperti di Raub, Penjom dan Selinsing," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.



HABIBAH

Habibah yang juga Ketua Program Geologi, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkata, kebanyakan industri emas sekarang menggunakan emas yang dilombong atau diperoleh secara mendulang.

"Tetapi dalam batuan dasar, deposit emas berkenaan masih banyak lagi.

"Jadi perlu dibuat kajian mengenai lokasi spesifik yang wujudnya galian emas ini di kawasan-kawasan jalur emas," ujarnya.

Beliau berkata, sebuah syarikat emas Australia masih melombong emas di Raub sehingga kini dan membuka peluang kepada pelajar UKM untuk menjalani latihan amali di syarikat terbabit.

Beliau berkata, kolaboratif penyelidikan turut dilakukan di kawasan perlombongan emas di Penjom.

Pembentukan jalur emas

Menyentuh bagaimana kawasan jalur emas boleh terbentuk, beliau menjelaskan, ia wujud disebabkan proses geologi iaitu percantuman bahagian timur dan barat Semenanjung Malaysia.

Beliau menjelaskan, bahagian timur dan barat Semenanjung dahulunya terpisah, sebelum lama kelamaan kedudukannya semakin dekat, seterusnya berlanggar sesama sendiri sebelum kedua-duanya bercantum.

"Jadi, bila berlaku pelanggaran dan percantuman, ada magma yang merejah di bahagian tengah Semenanjung Malaysia.

"Emas wujud daripada proses rejahan magma yang berinteraksi dengan batuan asal di kawasan itu, biasanya batuan granit.

"Oleh itu, ciri-ciri sesebuah kawasan itu menyimpan galian emas lazimnya ada batuan granit dan kawasan sekelilingnya seperti lembah terutama lembah sungai," jelas beliau.

EKSKLUSIF



Malaysia bertuah kerana kaya dengan galian emas dan tidak banyak negara mempunyai sumber itu seperti dimiliki negara ini. (Gambar hiasan)

Habibah berkata lagi, dengan simpanan galian emas yang masih banyak, industri emas termasuk perlombongan emas mempunyai potensi besar untuk terus maju pada masa akan datang.

Katanya, Malaysia bertuah kerana kaya dengan galian emas dan tidak banyak negara mempunyai sumber itu seperti dimiliki negara ini.

"Seperti yang kita ketahui, sebagai sumber bumi, logam apa pun seperti emas dan bijih besi semuanya adalah milik negara atau kerajaan seperti yang termaktub dalam undang-undang," katanya.

Jelas Habibah, dengan rizab emas yang masih banyak, ia memberi sumber pendapatan kepada kerajaan secara berterusan.

Beliau mengakui, sumber pendapatan itu termasuk dari segi pengeluaran lesen kepada syarikat pelombong, bayaran cukai pendapatan syarikat lombong yang meraih keuntungan daripada jualan emas dan bayaran cukai pendapatan kedai-kedai emas.

"Emas adalah logam bernilai tinggi, tidak turun harga dari tahun ke tahun. Tetapi harga pasaran semasanya ada turun naik, selain ia juga boleh dijadikan mata wang dan diniagakan.

"Ia juga boleh dilebur menjadi barang perhiasan bernilai tinggi seperti barang kemas. Potensinya sangat besar di masa hadapan untuk menjana pendapatan negara," kata beliau.

Di sebalik aktiviti lombong emas, ada kesan sampingan

SHAH ALAM - Kerajaan negeri perlu mengehadkan pengeluaran lesen kepada individu yang terlibat dengan aktiviti perlombongan emas bagi memastikan ia tidak memberikan kesan kepada penduduk di kawasan sekitar.

Aktivis Alam Sekitar, Amlir Ayat berpendapat, kegiatan ekonomi merupakan salah satu aspek penting, namun ia harus bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat bukannya memberi ancaman malah keuntungan kepada golongan-golongan tertentu.



AMLIR

"Berdasarkan kepada pengalaman lepas, kegiatan perlombongan emas di Malaysia masih menghadapi cabaran besar khususnya dari sudut pemantauan dan penguatkuasaan.

"Dari sudut kualiti sumber air, bahan-bahan pencemar termasuk logam-logam berat seperti arsenik (As), cadmium (Cd) dan plumbum (Pb) telah dikesan di bekas-bekas tapak perlombongan emas.

"Justeru, bahan-bahan seperti ini amat merbahaya kepada nyawa manusia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.



Jabatan Perlutanan Negeri Pahang (JPNP) membongkar kegiatan melombong emas secara haram dalam Hutan Simpan Ulu Jelai dan menahan lima pelombong ketika menyerbu lokasi itu pada September 2020.


Selain mengehadkan pengeluaran lesen, Amlir turut mencadangkan agar kerajaan negeri melaksanakan pemantauan selain melaksanakan undang-undang dengan telus dan jujur kepada semua agensi yang terlibat, bermula dari fasa kelulusan sehingga dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti melombong emas.

"Pemantauan daripada masyarakat awam juga penting bagi membolehkan mereka melaporkan sebarang pengabaian undang-undang kepada pihak berkuasa," katanya.

Amlir berkata lagi, pelaksanaan inisiatif pendidikan di institusi-institusi pengajian dan kesedaran awam juga perlu untuk memastikan orang ramai menyedari akan risiko kegiatan perlombongan yang berleluasa sehingga boleh mengancam nyawa.

"Usaha tersebut secara tidak langsung menjamin pembangunan sebuah generasi Malaysia akan datang yang bukan saja lebih prihatin terhadap kegiatan-kegiatan perlombongan haram dan memusnahkan alam sekitar, malah menjadi generasi yang lebih mampan," kata beliau.

JAJARAN EMAS MALAYSIA



BILANGAN LOMBONG EMAS DI MALAYSIA

NEGERI

- **Pahang :** 10
- **Kelantan :** 6
- **Terengganu :** 2
- **Sabah :** 1

INFO

- Taburan penemuan emas utama di Semenanjung Malaysia terdapat di Jalur Tengah iaitu dari Batu Melintang di Kelantan, menuju ke selatan melalui Sokor, Pulai, Selinsing, Raub, Chenderas hinggalah ke Gunung Ledang di Johor.
- Penemuan terbaru dibuat di Jalur Timur iaitu di kawasan Mersing di Johor dan Lubuk Mandi di Terengganu.
- Perlombongan emas di Malaysia hanya terhad di beberapa kawasan sahaja, ia dikenali sebagai Jalur Tengah yang terbentang dari kawasan tanah tinggi Batu Melintang, Jeli, Kelantan, sehingga Gunung Ledang di Johor.
- Lombong terbesar yang masih aktif di Malaysia adalah di Penjom, Kuala Lipis, ia mengeluarkan hampir 95 peratus sumber emas Malaysia.
- Tempat lain yang masih aktif adalah di Kuala Selinsing, Damar Reef dan Tersang di Pahang.
- Selain itu, masih ada lima lagi lombong di Jeli dan enam lombong sekitar kawasan Raub, Kuala Lipis di Pahang masih digali untuk aktiviti perlombongan komersial.

Bila emas naik harga...

Pemerhati pasaran emas akui wujud penurunan terhadap permintaan emas pada pertengahan Oktober 2021

SHAH ALAM

EKSKLUSIF

Pasaran emas dalam negara ketika ini mengalami penurunan dari segi permintaan pembelian rakyat Malaysia.

Pengarah Urusan Merchant Nine Sdn Bhd, Nik Mohd Haniff Nik Hamid berkata, trend penurunan itu sudah berlanjutan semenjak berlaku kenaikan harga emas pada pertengahan Oktober iaitu meningkat dari RM235 segram ke RM250 hari ini.



NIK MOHD HANIFF

"Kadar inflasi yang rendah di seluruh dunia telah mengakibatkan peningkatan harga emas dalam pasaran.

"Permintaan pembelian emas agak perlahan dalam masa dua hingga tiga minggu lepas, mungkin juga atas faktor rakyat lebih memilih mengeluarkan duit untuk melancong dan pulang ke kampung.

"Keadaan ini dijangka akan berterusan hingga awal tahun 2022 disebabkan anti pelajar akan mula masuk ke sekolah dan pasti duit lebih banyak dibelanjakan untuk kegunaan sekolah anak-anak," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Mengulas lanjut mengenai jenis emas yang sering menjadi pilihan, Nik Mohd Haniff berkata, rakyat Malaysia lebih gemar memilih emas barang kemas yang diperbuat daripada emas jenis 916 berbanding emas jenis 999.

"Emas jenis 916 yang lembut lebih sesuai untuk dijadikan sebagai barang kemas dan menjadi antara pilihan utama di Malaysia," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kumpulan Termofizikal Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) SIRIM Berhad, Dr Fazrul Mohd Nor menjelaskan, melihat dari sudut trend pembelian, pasaran emas di Malaysia sebenarnya sentiasa menunjukkan perkembangan yang positif.

FOTO: BERNAMA



Emas, perak, platinum dan rodium merupakan jenis-jenis logam yang dikategorikan sebagai berharga.



FAZRUL

"Trend pembelian, kalau harga rendah memang ramai akan beli.

"Sebab itu penuh pembeli di kedai emas semasa harga rendah. Namun apabila harga emas naik, kebanyakannya akan pajak emas di pajak gadai.

"Ia kerana apabila harga emas tinggi, bila pajak akan dapat pinjaman lebih tinggi.

"Pasaran emas sama ada harga rendah atau tinggi sebenarnya bagus untuk orang ramai," katanya.

Fazrul menambah, emas memang akan sentiasa laku dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana ia tergolong dalam jenis logam berharga dengan nilai ekonomi yang tinggi.

Beliau menjelaskan bahawa emas, perak, platinum dan rodium merupakan jenis-jenis logam yang dikategorikan sebagai berharga.

"Contohnya, jika Ringgit Malaysia dibawa ke luar negara, belum tentu semua negara akan menerimanya. Berbeza pula dengan emas yang pasti akan diterima di mana-mana saja," jelasnya.

Mengulas dari aspek pembelian emas, beliau berkata, ia sebenarnya bergantung kepada niat si pembeli itu sendiri.

"Kebanyakan pembeli akan membeli emas 999 untuk dijadikan sebagai pelaburan untuk jangka masa panjang, manakala kalau untuk disimpan atau dipakai biasanya mereka akan beli emas 916.

"Tetapi trend pembelian emas di pantai barat lebih kepada kalau tidak ada duit, mereka akan pajak. Berbeza pula di pantai timur apabila mereka yang mendapatkan duit untuk mengembangkan bisnes dengan memajak emas.

"Kini trend yang saya tengok di Tawau, Sabah. Banyak pengusaha pajak gadai membuka cawangan di sana kerana saya difahamkan pelancong luar datang bawa emas datang dan pajak di situ," katanya.



Trend pembelian emas khasnya berbentuk barang kemas dipengaruhi turun atau naik nilai di pasaran.

